

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes / Fron Page & B2
Date	Fri, 27th May 2016	Lead Article	Yes
Headline	Lima GLIC 17G20 Capai KPI		



Lima GLIC, 17 G20 capai KPI

➔ Inisiatif Program Pemerksaan Bumiputera catat RM44.7b tahun lalu

**Oleh Rohaniza Idris dan
Hazwan Faisal Mohamad**
bhbiz@bh.com.my

➤ **Kuala Lumpur**

Lima syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan 17 syarikat berkaitan kerajaan utama (G20) berjaya mencapai 91.5 peratus petunjuk prestasi utama (KPI) dalam melaksanakan beberapa inisiatif utama di bawah Program Pemerksaan Bumiputera (BEA) tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata nilai inisiatif keseluruhan yang dicapai lima GLIC dan 17 G20 pada tahun lalu bernilai RM44.7 bilion berbanding RM43.8 bilion pada tahun 2014, iaitu tahun pertama KPI untuk BEA mula dilaksanakan.

Beliau berkata, antara kejayaan GLIC dan G20 pada tahun lalu ialah pemerolehan berjumlah RM11.8 bilion daripada syarikat Bumiputera, manakala RM2.3 bilion daripada nilai pengagihan khusus (*carve out*) untuk syarikat Bumiputera.

➔ **Lihat Ms.B2**

KPI akan dipertingkatkan tahun ini

← Dari Ms.B1

“Selain itu, GLIC dan G20 turut melantik 49 vendor baharu di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV), mewujudkan dua konsortium runcit dan ternakan serta melatih 9,544 siswazah di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M),” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Bangunan Parlimen, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Mengulas lanjut, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, KPI GLIC dan G20 akan dipertingkatkan tahun ini dengan beberapa inisiatif yang digubal beliau bersama menteri dan melalui sesi White Room bersama pengerusi dan ketua pegawai eksekutif syarikat terbabit.

Sasar lantik 70 vendor baharu

Katanya, antara inisiatif yang dirancang ialah GLIC dan G20 menyasarkan pelantikan 70 vendor baharu, lapan jaguh nasional dan satu jaguh serantau melalui PPV, manakala sasaran pemerolehan syarikat Bumiputera ditetapkan pada RM11 bilion.

“Selain itu, seramai 15,000 siswazah bakal dilatih di bawah SL1M. Khazanah selaku urus setia program ini akan terus memperkemaskan lagi mandat dan struktur pelaksanaan BEA supaya mampu memberikan lebih banyak manfaat kepada masyarakat Bumiputera dan negara,” katanya.

**Fakta
nombor**

49 VENDOR

baharu di bawah PPV